


BAHAGIAN B

1. Berikut adalah proses penyelesaian masalah bukan inventif. (P4-1.1.2)


A	Melaksanakan pilihan
B	Membuat pilihan
C	Mengenal pasti masalah
D	Menyenaraikan pilihan untuk menyelesaikan masalah

Susun langkah itu mengikut urutan yang **betul** dengan menulis **A, B, C** dan **D** pada petak yang disediakan.



[4 markah]

2. Rajah menunjukkan model fungsi bagi sebuah meja yang bermasalah. (N1-1.2.3)



Berdasarkan rajah,

- (a) Nyatakan jenis masalah yang dihadapi.

[1 markah]

- (b) Nyatakan **tiga** contoh halangan semula jadi yang menjadi punca kerosakan meja itu.


- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

3. Berikut ialah cadangan prinsip inventif bagi kaedah pemisahan ruang dan kaedah pemisahan masa. (P5-1.3.2)

A	Pengantara
B	Kedinamikan
C	Kualiti setempat
D	Pembuangan dan pemulihan

Lengkapkan kategori itu dengan menulis **A**, **B**, **C** dan **D** pada ruang jawapan yang disediakan.



[4 markah]


4. Berikut ialah peralatan yang digunakan dalam teknologi pembuatan produk. (P5-2.1.2)




A



B




C



D

Lengkapkan kategori itu dengan menulis A, B, C dan D pada ruang jawapan yang disediakan.



[4 markah]

5. Berikut ialah langkah-langkah tuangan menggunakan *epoxy resin* dan *epoxy hardener*. (P4-2.1.7)


1	Tuang campuran bahan ke dalam acuan
2	Kacau campuran kedua-dua bahan sehingga sebati
3	Biarkan bahan mengeras dan keluarkan daripada acuan
4	Tuang <i>epoxy resin</i> ke dalam bekas diikuti dengan <i>epoxy hardener</i>
5	Sediakan sukatan <i>epoxy resin</i> dan <i>epoxy hardener</i> dengan nisbah 50-50

Susun langkah-langkah tuangan menggunakan *epoxy resin* dan *epoxy hardener* mengikut urutan yang **betul** dengan menulis **1, 2, 3** dan **5** pada ruang jawapan yang disediakan. **4** telah diberi.



[4 markah]

6. Rajah menunjukkan komponen mekanikal pada sebuah basikal. (N1-2.2.2)



Padankan komponen itu dengan fungsinya dengan menulis **P, Q, R** dan **S** pada petak yang disediakan.

Berperanan sebagai pengantara bagi penghantaran kuasa antara dua gear	
Digunakan untuk memperlahankan atau menghentikan basikal	
Membolehkan basikal bergerak dengan lancar	
Digunakan untuk memindahkan kuasa	

[4 markah]

7. Tuliskan **formula** bagi parameter elektrik itu.(C1-2.3.3)

Parameter elektrik	Formula
Voltan, V	
Arus, I	
Rintangan, R	
Kuasa, P	

[4 markah]

8. Berikut adalah peranti dalam reka bentuk elektronik.(A1-2.4.1)


A	Mikropengawal
B	Mikropemproses

Padankan peranti bagi reka bentuk elektronik dengan menulis **A** atau **B** dalam petak yang disediakan.

Sistem kawalan keselamatan	
Palang automatik dan mesin basuh automatik	
Peralatan keselamatan dan pengisar makanan	
Kawalan kereta elektronik	

[4 markah]

9. Rajah menunjukkan sebuah sistem akuaponik.(P2-2.5.3)



Padankan pernyataan di bawah dengan komponen yang berlabel dengan menulis **A**, **B**, **C** dan **D** pada ruang jawapan.

Tempat untuk menanam tanaman	
Untuk memelihara ikan sebagai sumber nutrisi	
Digunakan untuk memindahkan air dari tangki ikan ke bekas tanaman	
Merupakan sistem pengairan dalam akuaponik dan memerlukan penyambungan paip mengikut keperluan.	

[4 markah]

10. Berikut adalah alatan dan perkakasan dalam proses penyediaan makanan.(A1-2.6.3)

P	Alatan menghias
Q	Alatan memotong
R	Alatan menghidang
S	Alatan membentuk dan mengukir

Padankan pernyataan yang tepat bagi fungsi peralatan tersebut dengan menulis **P**, **Q**, **R** dan **S** dalam ruang jawapan.

Pernyataan	Jawapan
Digunakan untuk memotong bahan makanan seperti daging, sayur dan sebagainya.	
Digunakan untuk membentuk ,merapi, mengukir dan membuang kulit buah-buahan dan sayur-sayuran.	
Digunakan untuk menghias dan memberikan rupa bentuk menarik pada makanan.	
Digunakan untuk menyusun makanan yang dihidang mengikut kesesuaian jenis makanan.	

[4 markah]

